



**GABUNGAN
PERSATUAN-PERSATUAN
PENGGUNA-PENGGUNA
MALAYSIA**

**MEMORANDUM MENGHENTIKAN
PROJEK PEMBINAAN KERETA KABEL
DI
BUKIT LARUT**

Memorandum ini ditujukan kepada:

**Dato' Seri DiRaja Mohamad Tajol Rosli bin Ghazali
YAB Menteri Besar Perak Darul Ridzuan**

Salinan kepada:

- 1. DYTM Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah**
Raja Muda Perak Darul Ridzuan
- 2. YB Dato' Seri Azmi Khalid**
Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar
- 3. YB Dato' Sri Dr Lim Keng Yaik**
Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi
- 4. YB Datuk Ho Cheng Wang**
Pengerusi, Jawatankuasa Infrastruktur dan Utiliti Awam Negeri Perak
- 5. YBhg Tan Sri Dato' Ir Haji Zaini bin Omar**
Pengerusi, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara
- 6. YBhg Dato' Hajah Rosnani Ibarahim**
Ketua Pengarah, Jabatan Alam Sekitar
- 7. YBhg Dato' Ir Mohd Yusof Mohd Isa**
Pengurus Besar, Lembaga Air Perak
- 8. YBhg Tuan Haji Abu Hasan bin Mohd Isa**
Pengarah, Jabatan Alam Sekitar Perak

1. RINGKASAN

Cadangan Pembinaan kereta kabel di antara Rumah Rehat Casuarina (Casuarina Rest House) dan Rumah Rehat Maxwell (Maxwell Rest House). Pembinaan dikatakan akan dijalankan dengan kesan minimum kepada Bukit Larut dan kawasan tadahan air yang digazet.

Projek ini dikatakan boleh membawa lebih kurang 1000 pelancong sehari ke puncak Bukit Larut. Ketua Jabatan Alam Sekitar Taiping, En Nasir Abdul Rahman telah menyatakan laporan EIA tidak diperlukan kerana kawasan pembinaan adalah kecil. Projek ini juga dicadangkan kerana kerana servis melalui kereta jip adalah perlahan dan hanya boleh membawa 200 pelancong pada satu masa.

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna-Pengguna Malaysia ingin menuntut hak rakyat Taiping khususnya dan rakyat Malaysia amnya sebagai pengguna untuk mendapatkan persekitaran yang bersih dan selesa untuk hidup. Projek pembangunan terhadap khazanah alam yang diiktiraf oleh Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan badan-badan antarabangsa tidak sepatutnya berlaku. Hutan simpanan hanya boleh digunakan untuk tujuan penyelidikan dan pembelajaran.

Pihak kerajaan negeri telahpun diberikan memorandum sebegini untuk membantah projek pembangunan yang dicadangkan sebelum ini. Seluruh masyarakat dunia yang bimbang akan kesan pemanasan global kepada kehidupan kita. Akan tetapi, dengan timbulnya cadangan projek ini, ianya seolah-olah ingin mengambil risiko mendirikan kereta kabel tanpa mengkaji kesannya kepada alam sekitar Bukit Larut.

Kerajaan Negeri Perak telahpun diingatkan berkali-kali akan kesensitifan ekosistem di Bukit Larut dan kesannya kepada flora dan fauna serta kawasan tadahan air. Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk memastikan ekosistem ini dijaga dan kekalkan untuk manfaat generasi akan datang.

2. JUSTIFIKASI UNTUK TIDAK MENJALANKAN PROJEK INI

2.1 Bukit larut merupakan kawasan tadahan air.

Kawasan tadahan air ini adalah di bawah selian Lembaga Air Perak. Kawasan tadahan ini membekalkan air kepada penduduk Taiping dan kawasan sekitarnya. Disebabkan kecerunan lereng bukit adalah tinggi, kemungkinan untuk tanah runtuh adalah tinggi yang seterusnya berkemungkinan untuk meningkatkan kejadian tanah runtuh dan menyebabkan bekalan air ke kawasan persekitaran terganggu. Pembinaan laluan kereta kabel ini melalui kawasan tadahan hanya sedikit sahaja. Walau bagaimanapun, hakisan tanah atau tanah runtuh di sekitar kawasan tadahan akan meningkatkan pencemaran dalam air.

Mengikut Lembaga Air Perak, luas kawasan tadahan adalah 21.53 km persegi. Kawasan tadahan air di sekitar Bukit Larut adalah seperti berikut:

SENARAI KAWASAN TADAHAN AIR SEDIA ADA DI BUKIT LARUT

(Daerah Larut, Matang & Selama)

Bil.	Nama Loji Pembersihan Air	Nama Sungai	Kedudukan Intake		Luas Kawasan Tadahan (km.per)
			Longitud (Timur)	Latitud (Utara)	
1	Taiping	Sg. Ranting	100° 46' 15"	4° 52' 45"	1.88
2	Headworks	Sg. Anak Ranting	100° 46' 15"	4° 52' 53"	1.57
3		Sg. Batu Teguh	100° 46' 29"	4° 50' 39"	3.33
4		Sg. Tupai	100° 46' 40"	4° 50' 14"	3.84
5		Sg. Air Terjun	100° 45' 53"	4° 52' 05"	1.18
6		Air Kuning	Sg. Larut	100° 46' 13"	4° 48' 47"
7	Sg. Buluh		100° 44' 45"	4° 48' 41"	1.70
JUMLAH KESELURUHAN					21.53

Sumber: Lembaga Air Perak

Air dari loji-loji pembersihan air ini menyalurkan air bersih kepada penduduk sekitar. Potensi kesan kepada kawasan tadahan ini masih tinggi.

2.2 Bukit Larut digazet sebagai Hutan Simpanan pada 1910.

Pada tahun 1910, 7130 hektar kawasan Bukit Larut diklasifikasikan sebagai hutan simpanan. Pada 1962 sebanyak 2747 hektar kawasan Bukit Larut digazet semula sebagai “Larut Hills Virgin Jungle reserve”. Sebagai hutan yang diwartakan sebagai Hutan Perlindungan untuk tadahan air, penyelidikan dan pelajaran . Adalah tidak wajar untuk kerajaan negeri untuk mempertimbangkan pambangunan projek kereta kabel.

Dalam keadaan Malaysia mengalami pemanasan global, adalah penting untuk menjaga kawasan hutan yang sedia ada dan kajian kesan pemanasan global yang patut dipertingkatkan.

2.3 Klasifikasi sebagai Habitat Flora dan Fauna pada 2002.

Bukit Larut diberikan klasifikasi sebagai Habitat Flora dan Fauna pada 2002 oleh Kerajaan Persekutuan. Ini menunjukkan kepentingan untuk mengekalkan keadaan semulajadi untuk memastikan ekosistem yang stabil di Bukit Larut tidak terjejas.

Kewujudan ekosistem yang tidak diganggu oleh aktiviti manusia adalah penting. Kita dapat lihat bahawa terdapat banyak flora dan fauna yang tersenarai dalam kajian yang telah dijalankan oleh FOMCA, Education and Research Association for Consumers (ERA Consumer Malaysia) dan WWF Malaysia dengan sokongan The Royal Netherlands Embassy akan turut terjejas jika projek-projek sebegini diteruskan. Hasil kajian ini telah diterbitkan pada 1997 dan telahpun diberikan beberapa salinan pejabat-pejabat berkenaan kerajaan negeri dan persekutuan.

2.4 Klasifikasi oleh United Nations Environment Programme - World Conservation Monitoring Centre

Menurut laporan “A global overview of protected areas on the world heritage list of particular importance for biodiversity – 2000” oleh World Conservation Monitoring Centre, UNEP, Bukit Larut dikelaskan dalam salah satu pusat serantau kepelbagaian tumbuhan (*Regional Centres of Plant Diversity*).

Kepentingan kepelbagaian tumbuhan yang diiktiraf oleh badan dunia ini menunjukkan keperluan kita untuk menjaganya sebagai khazanah negara. Sebagai hutan yang kaya dengan flora dan fauna banyak penyelidikan dalam bidang bioteknologi dapat diperkasakan.

Malaysia juga tergolong dalam 12 negara ‘Mega Biodiversity’ di dunia. Maka setiap komponen hutan yang membantu kita tergolong dalam kategori ini patut dipelihara.

2.5 Cerun yang curam yang boleh dirosakkan akibat tiang kereta kabel

Mengikut peta “Erosion Risk” Bukit Larut terletak di kawasan berisiko tinggi dan kehilangan tanah direkodkan melebihi 150 ton/ha/tahun. Kestabilan tiang-tiang ini akan menjadi persoalan besar. Pada masa yang sama kejadian tanah runtuh mempunyai kemungkinan yang lebih tinggi untuk berlaku disebabkan gangguan kepada lereng bukit berlaku. Kejadian tanah runtuh yang bersambungan akan semakin terjadi. Bukit Larut juga jatuh dalam kategori pertama dalam kawasan alam sekitar yang sensitif di bawah Rancangan Fizikal Negara.

Penanaman tiang-tiang ini melibatkan penambahan berat kepada cerun, mengikut kejuruteraan geoteknik, tanah yang tidak stabil seperti yang terdapat di Bukit Larut menjadi risiko, nyawa manusia boleh terancam di samping merosakkan alam sekitar. Penusukan tiang-tiang ini juga akan menyebabkan ketidakstabilan tanah tebing.

2.6 Peningkatan sisa akibat pertambahan pelancong

Pertambahan pelancong ke Bukit Larut akan menyebabkan penambahan sisa pepejal dan bahan buangan dari pelancong (kumbahan). Lebih banyak bahan-bahan ini mesti diangkut ke kaki bukit. Pertambahan pencemaran udara kerana lori-lori sampah perlu berulang-alik lebih kerap.

Pembuangan sampah yang tidak terkawal (yang di buang ke hutan) – contohnya di Cameron Highlands, air terjun dipenuhi dengan sampah sarap kerana pembuangan sampah di merata-rata tempat.

Perpaipan pembentungan tambahan perlu dibangunkan dan kebocoran sistem ini boleh menyebabkan kesan memudaratkan kepada ekosistem yang sensitif seperti Bukit Larut.

Ini jelas membuktikan dakwaan pihak Jabatan Alam Sekitar bahawa hanya sedikit kawasan yang akan terlibat dalam pembangunan projek ini adalah tidak benar sama sekali.

2.7 Peningkatan pelancong 5 kali ganda sehari (dari 200 pelancong kepada 1000 pelancong)

Peningkatan aktiviti manusia di sesuatu kawasan akan senantiasanya menyebabkan ketidakselesaan kepada haiwan-haiwan sensitif dan haiwan-haiwan ini akan mula bermigrasi. Migrasi seperti ini akan mengganggu rantaian makanan di hutan ini dan seterusnya akan menyebabkan ekosistem kawasan ini terjejas.

Apabila lebih ramai pelancong yang inginkan keselesaan bertambah akan wujud pula keadaan untuk menambahkan infrastruktur dan bangunan yang akan melibatkan penebangan hutan. Akan berlaku penambahan permukaan tidak menyerap air hujan (purata hujan tahunan, 5000 mm) dan peningkatan air larian permukaan. Peningkatan sebegini akan meninggikan risiko tanah runtuh dan hakisan. Sama sekali akan meningkatkan sedimen tanah dalam sungai, satu tindakbalas berantai yang memudaratkan alam sekitar.

Ini sama sekali akan menjejaskan objektif mewartakan satu kawasan sebagai Hutan Perlindungan untuk tadahan air. Peningkatan bahan yang mencemarkan air tadahan akan menyebabkan kos perawatan air meningkat, kekurangan air yang di tanah (sedimen bertambah) dan kos yang akan dikenakan kepada pengguna akibat kegagalan perancangan oleh kerajaan.

2.8 Hak penduduk khususnya di Taiping dan umumnya di Perak dan Malaysia untuk mengekalkan habitat semulajadi yang dijaga dalam keadaan asal

Penduduk-penduduk Taiping mempunyai hak untuk mengetahui kesan buruk yang akan berlaku jika projek ini menemui kegagalan. Setelah memperolehi maklumat ini, mereka dapat melihat akan keperluan untuk menjaga Bukit Larut dalam keadaan semulajadinya.

Pada masa yang sama, pihak-pihak yang terlibat tidak melihat akan tanggungjawab mereka kepada generasi akan datang yang mempunyai hak yang sama untuk menikmati alam semulajadi yang asli.

2.9 Beberapa perbezaan di antara Langkawi dan Taiping

	Langkawi Gunung Mat Cincang	Taiping Bukit Larut	Penerangan
Ketinggian (m)	708	1009	Perbezaan ketinggian kedua-dua kawasan tanah tinggi akan mempunyai ekosistem yang berbeza. Ketinggian melebihi 1000 m (Kategori 1 – kawasan alam sekitar sensitif)
Purata hujan (mm)	1500	5000	Bukit Larut menerima lebih daripada 3 kali ganda hujan berbanding Langkawi.
Jarak kabel (km)	2.2	4.9	Lebih daripada 12 tiang akan digunakan, isu kestabilan tanah adalah isu yang membimbangkan, kestabilan tanah tidak dapat ditingkatkan tanpa mengganggu keadaan asal.
Kawasan tadahan air	Air terjun	Tadahan air dari Bukit Larut	Kawasan tadahan yang berlainan fungsi dan ciri fizikal.

3.0 KESIMPULAN DAN PENDIRIAN FOMCA

FOMCA sama sekali tidak bersetuju Kerajaan Negeri Perak untuk menjalankan projek ini tanpa penyelidikan dan perbandingan yang betul. Kajian EIA dan DEIA patut dijalankan untuk memastikan tiada kesilapan yang berlaku akibat sesetengah pihak yang ingin menjana pendapatan yang lumayan daripada alam sekitar.

Persetujuan daripada masyarakat setempat patut diperolehi apabila projek-projek sebegini mengambil tempat. Pihak yang neutral patut meneliti fakta-fakta dan kesesuaian projek sebegini.

Jikalau kegagalan projek ini berlaku dan menyebabkan kerosakan kepada ekosistem Bukit Larut, Kerajaan Negeri Perak, mahupun kontraktor tidak dapat mengembalikan Bukit Larut kepada keadaan asalnya.

Adalah tanggungjawab kita untuk memastikan sumber alam di negara kita di jaga dan digunakan dengan lestari supaya generasi akan datang dapat menikmatinya juga.

Bagi pihak Majlis Tertinggi FOMCA,

Datuk Marimuthu Nadason

Presiden